

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(30)

Tarikh :27 April 2021

KENYATAAN MEDIA

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) Diperakui Dengan ISO 37001 dan ISO 14001

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan sukacitanya mengumumkan bahawa kami telah memperolehi sijil Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) ISO 37001:2016 dan sijil Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2015.

Sistem Pengurusan Anti Rasuah (SPAR) ISO 37001:2016 adalah sistem pengurusan yang direkabentuk untuk membantu sesuatu organisasi mencegah, mengesan dan bertindak balas terhadap pelaku rasuah yang merangkumi kepatuhan terhadap undang-undang, peraturan dan komitmen sukarela yang lain.

PBBPP menyedari bahawa ketelusan dan kepercayaan adalah asas penting pembinaan kredibiliti sesuatu organisasi. Oleh itu, keperluan Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001 (SPAR) adalah bagi memastikan bahawa PBBPP mengamalkan amalan terbaik yang diperlukan bagi menguruskan risiko rasuah dengan lebih berkesan.

Selain itu, ISO 14001 merupakan standard piawaian antarabangsa yang menetapkan keperluan bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS). Ia merupakan salah satu standard EMS yang sering digunapakai di seluruh dunia, yang memerlukan sesuatu organisasi untuk mengenal pasti dan mengurus aspek serta kesan persekitaran akibat operasi, produk dan perkhidmatan harian mereka.

PBBPP terus komited bagi melaksanakan tanggungjawab keatas persekitaran alam sekitar Bukit Bendera secara sistematik yang menyumbang kepada tonggak kelestarian alam sekitar yang selaras dengan nilai misi, pemuliharaan dan amalan hijau kami.

Pensijilan ISO 37001:2016 yang diterima PBBPP diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia manakala Pensijilan ISO 14001:2015 diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia dan *United Kingdom Accreditation Service (UKAS)*.

Pengurus Besar PBBPP, Dato' Cheok Lay Leng berkata pemberian kedua-dua sijil standard ini adalah merupakan satu penghargaan atas usaha dan komitmen terhadap amalan kerja yang bertanggungjawab dan lestari yang diamalkan oleh PBBPP.

Kami berasa gembira dimana usaha kami untuk terus meningkatkan amalan terbaik dan menegakkan etika kerja di PBBPP telah diberi penghargaan dengan memperolehi sijil ISO 37001: 2016 dan ISO 14001: 2015. Pensijilan ini membuktikan kesungguhan dan komitmen yang diambil oleh PBBPP untuk bertanggungjawab secara etika bukan sahaja dalam usaha mencegah rasuah tetapi juga dalam pemeliharaan alam sekitar. "

Sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 211 atau e-mel kepada cheryl.cheah@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

Unit Komunikasi Korporat

Cheryl Cheah

Ahmad Aizat Bin Khalid

Lee Shew Yean

Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation

Penang Hill Corporation

Tel: 04-828 8880

Tel: 04-828 8880

Tel: 04-828 8880

cheryl.cheah@penanghill.gov.my

aizat@penanghill.gov.my

sylee@penanghill.gov.my